

Garis panduan interim untuk industri vape

Garis panduan interim untuk industri vape

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) harus memperkenalkan garis panduan untuk industri vape dengan segera sebagai satu langkah interim berikutan penangguhan rang undang-undang membabitkan industri tersebut.

Presiden Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA), Rizani Zakaria berkata, industri vape telah memohon peraturan sejak tahun 2015 dan di samping membangunkan industri, pemain industri telah beroperasi dengan mengawal selia sendiri dan mematuhi piawaian yang tinggi untuk memastikan tiada produk dijual kepada golongan bawah umur.

“Penundaan ini amat mengecewakan kerana industri memerlukan kepastian untuk bergerak ke hadapan. Tiada sebarang kata putus daripada kerajaan mengenai perkara yang boleh atau tidak boleh dilakukan oleh industri vape walaupun terdapat perbincangan daripada kerajaan untuk mengawal selia industri itu.

“Pengumuman semasa Bajet 2022 tahun lepas mengatakan akan ada pelaksanaan cukai ke atas cecair vape yang mengandungi nikotin. Bagaimanapun ia juga telah ditangguhkan tanpa sebarang jangka masa diberikan.

“Dengan penundaan tersebut, industri vape yang mempunyai lebih daripada 15,000 pekerja dan 3,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan ini akan terus dibiarkan tanpa sebarang hala tuju yang pasti daripada kerajaan,” katanya dalam kenyataan.

Baru-baru ini Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, pembentangan Rang Undang-undang Kawalan Tembakau dan Merokok bagi mengawal selia vape dan tembakau telah ditangguhkan.